

Demokrasi ibarat pisau

BM 30 MAY 1993

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata semua pihak sama ada dalam parti atau kerajaan perlu berhati-hati dalam mengamalkan demokrasi kerana ia boleh menyebabkan perpecahan yang membawa kehancuran.

Katanya, demokrasi ibarat pisau yang tajam, jika digunakan dengan baik boleh mengukir sesuatu yang cantik, tetapi pisau itu juga boleh membunuh. Sikap berhati-hati mengamalkan demokrasi juga mestilah dijadikan pegangan dan asas dalam parti politik.

"Jika kita bertanding hanya kerana dibenarkan bertanding atau kita ber-

kempen dengan menggunakan cara buruk dan wang sogokan, jika kita sengaja memburukkan calon, hasilnya bukan kejayaan bagi parti tetapi perpecahan yang membawa kehancuran. Inilah yang berlaku kepada Umno pada 1987.

"Oleh itu, berhati-hatilah mengamalkan demokrasi, baik dalam parti atau dalam negara," katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung tahunan Gerakan kali ke-22 di sini, semalam.

Seramai 1,011 perwakilan dari seluruh negara menghadiri perhimpunan itu yang bertemakan 'Ge-

LIHAT MUKA 2 ✓

Demokrasi Barat runtuhkan akhlak

DARI MUKA 1

rakan bersama rakyat'.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak harus menerima demokrasi ala Barat kerana ia bersifat keterlaluan yang membawa banyak kesan buruk. Pegangan prinsip demokrasi keterlaluan di Barat menyebabkan keruntuhan akhlak ketara, homoseks, 'single parents' dan ekonomi merosot kerana etika kerja yang buruk.

"Mereka bukan saja terus mengamalkan demokrasi mereka, bahkan juga cuba memaksa orang lain menerima dan mengamalkan segala tabiat buruk dan nilai mereka kerana kononnya ia adalah demokratik dan tidak boleh dipersoalkan.

"Kita menerima demokrasi, tetapi perlu berhati-hati supaya tidak keterlaluan sehingga merosakkan kita. Kebebasan yang tidak terhad adalah berbahaya," katanya.

Beliau berkata, sekarang Barat ingin menjadikan demokrasi ala Barat sebagai satu agama yang mesti diamalkan walau apapun terjadi.

Katanya, keruntuhan Empayar Soviet Union memanglah satu hasil demokrasi yang dunia alu-alukan, tetapi di samping itu, berlaku peperangan dan pembunuhan beramai-ramai di Azerbaijan, Georgia, Belarus, Ukra-

ine, Tajikistan dan Eropah Timur, termasuk 'genocide' di Yugoslavia.

Menurut Perdana Menteri, pengamal demokrasi di Barat juga sebenarnya tidak begitu demokratik kerana dalam negara mereka sendiri wujud diskriminasi terhadap kaum minoriti dan kulit berwarna.

"Sementara mereka mengecam negara-negara membangun kerana tidak demokratik, tetapi dalam arena antarabangsa dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mereka tidak sanggup menerima kedaulatan suara ramai.

"Akhbar mereka semua berat sebelah dan tidak memberi kebebasan bersuara kepada yang mereka tidak disukai. Malaysia hampir tidak pernah mendapat tempat dalam akhbar mereka, melainkan jika ada berita memburukkan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, masalah yang dihadapi oleh semua negara Eropah dan Amerika Utara sekarang berpunca daripada cara mereka mengamalkan demokrasi.

Menurutnya, amalan demokrasi di Russia, bekas negara Soviet Union dan Eropah Timur membawa perpecahan, rusuhan, peperangan kaum, penindasan, kelemahan, kerosakan ekonomi dan bermacam mala petaka.

Katanya, bagi negara

yang tidak tahu loghat dan cara demokrasi pula, amalannya tetap akan membawa keburukan.

Sebaliknya di China dan Vietnam, pemerintahan 'authoritarian' dikekalkan sementara reformasi ekonomi dilaksanakan dan mereka lebih berjaya.

Beliau berkata, apabila rakyat mereka sudah makmur, mereka akan menuntut kebebasan lebih dan cara sedemikian lebih selamat berbanding yang cuba diamalkan oleh Russia.

"Apa yang jelas ialah Barat mendapat dividen besar daripada percubaan demokrasi oleh blok Timur. Hari ini, blok Timur hancur, lemah dan terpaksa meminta-minta pertolongan Barat.

"Inilah yang dikehendaki oleh Barat, bukan demokrasi, bukan pasaran bebas dan bukan 'human rights'. Jika pemerintahan kuku besi diamalkan oleh negara yang menyokong Barat, ini tidak mengapa. Mereka terus mempertahankan kawan mereka yang tidak demokratik," katanya.

Katanya, sikap Barat yang tidak demokratik ketara dalam banyak hal, umpamanya kekejaman oleh tentera Serb-Bosnia ke atas orang Islam-Bosnia di Bosnia-Herzegovina yang mereka halalkan.